

40 kumpulan mahasiswa bersaing di Stadium Tertutup Nilai, esok

Robot rebut juara Robocon 2011



SEBAHAGIAN daripada robot ciptaan mahasiswa yang bakal dipertandingkan pada Robocon 2011 di Stadium Tertutup Nilai, selama tiga hari mulai esok.

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 14 Jun - Sebanyak 40 kumpulan mahasiswa institusi pengajian tinggi seluruh negara bakal berentap bagi merebut gelaran pada Pertandingan Robot Peringkat Kebangsaan (Robocon) di Stadium Tertutup Nilai dekat sini, Khamis ini.

Ketua Projek Bahagian Teknikal Robocon, Ir. Susana Kamarudin berkata, pertandingan tiga hari itu turut disertai oleh peserta dari kolej komuniti dan politeknik seluruh negara.

“Robocon merupakan pertandingan tahunan mencipta robot yang diadakan sejak 2002.

“Ini bertujuan mencungkil bakat serta memperluaskan teknologi penciptaan robotik dalam kalangan mahasiswa universiti, kolej dan politeknik sama ada awam mahupun swasta,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Katanya, penganjuran Robocon juga bertujuan menggalakkan ino-

vasi, selain kreativiti mahasiswa tempatan ke arah memperkembangkan industri penciptaan robot negara.

Tambah Susana, Robocon merupakan pertandingan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Sirim Bhd. dan Universiti Sains Islam Malaysia.



SUSANA KAMARUDIN

“Pertandingan ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kejuruteraan terbaik, idea terbaik dan reka bentuk terbaik,” tegasnya.

Beliau yang juga Ketua Seksyen Automasi Industri dan Robotik Si-

rim Bhd. memberitahu, peserta yang berjaya akan menerima wang tunai, trofi dan sijil di mana peringkat akhir berlangsung Sabtu ini bermula pukul 9 pagi.

“Hadiah disediakan oleh Kementerian, sementara Sirim Bhd. menguruskan aspek teknikal pertandingan,” ujarnya.

Tahun lalu, Universiti Teknologi Malaysia muncul johan Robocon 2010 yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.